

PENGETAHUAN, MASALAH DAN AMALAN
MEMBACA AL-QURAN DALAM KALANGAN
MURID TAHUN DUA MENGGUNAKAN
TEKNIK PINTAR AL-QURAN

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

RAZILAH BINTI MOHD RAMLI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

PENGETAHUAN, MASALAH DAN AMALAN MEMBACA AL-QURAN
DALAM KALANGAN MURID TAHUN DUA MENGGUNAKAN
TEKNIK PINTAR AL-QURAN

RAZILAH BINTI MOHD RAMLI


DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

UPSMPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹³.....(hari bulan).....Ogos..... (bulan) 20²⁴.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Razilah Binti Mohd Ramli, M20152002264, Institut Peradaban Melayu (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pengetahuan, Masalah dan Amalan Membaca Al Quran dalam Kalangan Murid Tahun Dua Menggunakan Teknik Pintar Al- Quran

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Dr. Azhar bin Wahid (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pengetahuan, Masalah dan Amalan Membaca Al Quran dalam Kalangan Murid Tahun Dua Menggunakan Teknik Pintar Al- Quran

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

20/8/2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Profesor Dr. Azhar Hj Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak

UPSMP3-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**Tajuk / Title: Pengetahuan, Masalah dan Amalan Membaca Al Quran dalam
Kalangan Murid Tahun Dua Menggunakan Teknik Pintar Al- QuranNo. Matrik / Matric's No.: M20152002264Saya / I: Razilah Binti Mohd Ramli

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20/8/2024(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Profesor Dr. Azhar Hj Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi Ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas rahmat dan hidayah-Nya, penulisan tesis ini akhirnya sampai ke penghujung. Adalah wajar kesempatan ini digunakan untuk merakamkan penghargaan kepada beberapa individu dan pihak yang tertentu yang telah memberi sumbangan sehingga terhasilnya tesis ini.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dato' Paduka Rosli bin Saludin selaku mantan Penyelia yang tidak pernah meluangkan masa dan tenaga untuk memberi tunjuk ajar, nasihat dan idea yang konstruktif dari peringkat permulaan penyediaan tesis. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Husna binti Husain selaku Penyelia kedua di atas nasihat, idea dan tunjuk ajar yang diberi sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih ini juga saya tujukan kepada Profesor Dr. Azhar bin Wahid selaku Penyelia pertama bagi menggantikan Profesor Madya Dato' Paduka Rosli bin Saludin yang berpindah ke Universiti Kebangsaan Malaysia atas tunjuk ajar, nasihat dan idea yang diberikan sehingga terhasilnya tesis ini hinggalah ke peringkat penghasilan pelaporan.

Seterusnya setinggi-tinggi penghargaan ucapan terima kasih ini kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang untuk saya melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan yang telah membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah. Terima kasih yang teristimewa kepada Guru Besar, GPK Akademik dan guru-guru di Sekolah Kebangsaan (f) Raja Alias 3 di mana saya telah menjalankan kajian dan semua warganya telah menerima saya dengan baik sekali, murid-murid tahun dua dan ibu bapa mereka.

Akhirnya saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga dan tidak ternilai kepada semua ahli keluarga saya atas kasih sayang, sokongan dan bantuan yang sentiasa diberikan sepanjang saya belajar dan menghasilkan tesis ini. Dengan doa, restu dan dorongan yang kuat daripada ibu, suami dan anak-anak akhirnya saya berjaya menyiapkan tesis ini.



ABSTRAK

Orang yang bergelar umat Islam perlu mempraktikkan membaca al-Quran dan menyempurnakan ibadah kepada-Nya. Namun begitu seiring peredaran zaman, masalah pembelajaran al-Quran kian meningkat terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan anak-anak muda yang baru menginjak dewasa seperti langsung tidak tahu membaca al-Quran serta tidak tahu cara sebutan huruf hijaiyah yang betul dan ia amat membimbangkan. Oleh itu, tujuan utama pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk mengetahui pengetahuan, masalah dan amalan membaca al-Quran dalam kalangan murid tahun dua menggunakan teknik pintar al-Quran. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif telah dipilih bagi menjawab tiga objektif kajian iaitu objektif yang pertama mengenai pengetahuan bacaan al-Quran dalam kalangan murid tahun dua, objektif kedua masalah yang dihadapi oleh murid tahun dua dalam mempelajari al-Quran dan objektif ketiga amalan keupayaan diri murid tahun dua dalam mempelajari pintar al-Quran. Semua murid tahun dua Sekolah Kebangsaan Felda Raja Alias 3 (SKFRA3) terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 76 orang. Bagi pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Terdapat empat bahagian dalam set soal selidik ini iaitu bahagian demografi responden, pengetahuan, masalah serta amalan keupayaan diri murid dalam mempelajari pintar al-Quran. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26 untuk mendapatkan min, peratus dan sisihan piawai. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa min tertinggi dalam pengetahuan bacaan al-Quran adalah 1.91, Dapatan kajian menunjukkan bahawa min dalam masalah kajian ini ialah 28.54. Manakala min yang tertinggi dalam amalan adalah 2.97 dan ini menunjukkan bahawa murid boleh menguasai bacaan al-Quran dengan menggunakan teknik Pintar al-Quran. Ini adalah penting kerana penguasaan bacaan al-Quran bermula dari tahun dua dan berterusan hingga khatam al-Quran sebelum tamatnya tahun enam. Oleh itu, diharapkan agar kajian yang dilakukan ini memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya pihak sekolah supaya sentiasa cakna akan perkembangan murid dalam mendalami serta menguasai pembacaan al-Quran.



KNOWLEDGEMENT, PROBLEMS AND PRACTISING OF READING QURAN AMONG THE YEAR TWO PUPILS USING AL-QURAN SMART TECHNIQUE

ABSTRACT

Everyone who called themselves as a muslim needs to practicing reading the Quran perfect their worship to Allah. Otherwise, as the time goes by, the Quran reading problem is arise especially among the children and adolescence who are reaching adulthood. Most of them are almost not know how to read the Quran. They also do not know how to say the “ hijaiyah” letters correctly and this phenomena s really worrying. On top of that, the purpose of that research is to know the acknowledgement, problems and practising of reading Quran among the year two pupils using al-Quran Smart Technique. The quantitative research is chosen to answer three objectives research. The first objective is knowledge of reading al-Quran among the year two pupils. Second objective is the problem facing by the year two pupils in learning al-Quran. The third objective is self practising in reading al-Quran among the year two pupils. All the year two pupils in Sekolah Kebangsaan (f) Raja Alias 3 (SKFRA3) are involved in this research. There are 76 pupils altogether. To collect the data, researcher used the questionnaire method. They are response demography, acknowledgement, problems and pupil's self practising in learning genius al-Quran. The data of the research will analysis in using *Statistical Package for Social Science* (SPSS) verse 26 to get the min, percentage and standard deviation. The result of the research shown the highest min reading Quran knowledge is 1.91. The finding of research showed that min in this problem is 28.54. Meanwhile, the highest min practising is 2.97 and this showed that pupils are able to master reading the Qura started from the year two and continuing until the end of the Quran before they end of the year six. At the end, the reasearcher hope that this research will useful to everyone especially the school need to be more alert about the pupils progressio in learning and mastering in reading al-Quran.

**KANDUNGAN****Muka Surat****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** ii**PENGHARGAAN** iii**ABSTRAK** iv**ABSTRACT** v**KANDUNGAN** vi**SENARAI JADUAL** x**SENARAI RAJAH** xi**SENARAI SINGKATAN** xii**DEFINISI HURUF-HURUF ARAB** xiii**SENARAI LAMPIRAN** xv**BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Penyataan Masalah 7

1.4 Objektif Kajian 15

1.5 Persoalan Kajian 15

1.6 Kerangka Konseptual Kajian 16

1.7 Definisi Operasional 17

1.7.1 Pengetahuan 17

1.7.2 Masalah 17

1.7.3 Amalan 18



1.7.4	Teknik Pintar al-Quran	18
1.8	Batasan Kajian	19
1.9	Kepentingan Kajian	21
1.10	Rumusan	24
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	25
2.2	Definisi al-Quran	26
2.3	Adab-adab terhadap Al-Qur'an	27
2.4	Konsep Amalan Ibadah Membaca al-Quran	28
2.5	Konsep Pendidikan al-Quran	31
2.6	Teori – teori Pembelajaran dalam Islam dan Bukan Islam	33
2.7	Teori Islam	37
2.8	Teori al-Ghazali	41
2.9	Teori Kognitif Jean Piaget	47
2.10	Gabungan Teori Islam dan Barat	57
2.11	Kaedah Belajar al-Quran	62
2.11.1	Kaedah Baghdadiah	63
2.11.2	Kaedah iqra'	65
2.11.3	Kaedah Pintar Al-Quran	70
2.12	Cabaran Mempelajari al-Quran	78
2.13	Kajian lepas	82
2.13.1	Kajian Luar Negara	83
2.13.2	Kajian Dalam Negara	87
2.14	Rumusan	95

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	97
3.2	Reka bentuk Kajian	98
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	100
3.4	Instrumen Kajian	101
3.5	Pengumpulan Data Primer	102
3.6	Pengumpulan data Sekunder	105
3.7	Kajian Rintis	106
3.8	Rumusan	107

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	108
4.2	Analisis Deskriptif Demografi Responden	110
4.3	Analisis Deskriptif Data Kajian	118
4.3.1	Pengetahuan Bacaan al-Quran Murid Tahun Dua Sebelum Mempelajari Teknik Pintar al-Quran	118
4.3.2	Masalah Yang Dihadapi Murid Tahun Dua Dalam Mempelajari al-Quran	120
4.3.3	Keberkesanan Amalan Keupayaan Diri Murid Tahun Dua Untuk Mengatasi Kelemahan Dalam Menguasai Bacaan al-Quran Dengan Mempelajari Teknik Pintar al – Quran	126
4.4	Rumusan	141

BAB 5 RUMUSAN , PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	142
5.2	Rumusan Hasil Kajian	142
5.3	Perbincangan	144
5.3.1	Pengetahuan Bacaan al-Quran Murid Tahun Dua Sebelum Mempelajari Teknik Pintar al-Quran	144

5.3.2	Masalah yang Dihadapi oleh Murid Tahun Dua dalam Mempelajari alQuran	148
5.3.3	Keberkesanan Amalan Keupayaan Diri Murid Tahun Dua Untuk Mengatasi Kelemahan Dalam Menguasai Bacaan al-Quran Dengan Mempelajari Teknik Pintar al – Quran	150
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	152
5.4.1	Guru	152
5.4.2	Pentadbir	153
5.4.3	Jabatan Pelajaran Negeri	154
5.4.4	Pejabat Pelajaran Daerah	155
5.4.5	Bahagian Perkembangan Kurikulum	155
5.5	Implikasi Teoritikal	156
5.6	Impikasi Metodologi	157
5.7	Limitasi Kajian	157
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	158
5.9	Penutup	161

RUJUKAN	163
----------------	-----

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.1 Jadual demografi responden	111
4.2 Pengetahuan Bacaan al-Quran Murid Tahun Dua Sebelum Mempelajari Teknik Pintar al-Quran	118
4.3 Masalah Murid Dalam Mempelajari al-Quran	121



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	16
1.2 Sukatan Pelajaran Tahunan Pendidikan Islam Tahun 2 – Penggal Pertama dan Penggal Kedua (DSKP KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Islam Tahun Dua BPG)	20
2.1 Teori Imam al-Ghazali	43
2.2 Teori Kognitif Jean Piaget	49
2.3 Teori Gabungan Imam al – Ghazali Dan Teori Kognitif Jean Piaget	58
2.4 Buku Iqra' Satu Diperkenalkan Dengan Huruf Hijaiyah Berbaris Satu Di Atas	67
2.5 Buku Iqra' Dua Diperkenalkan Dengan Huruf Hijaiyah Yang Bersambung	67
2.6 Buku Iqra' Tiga Diperkenalkan Dengan Bacaan Mad Dan Bukan Mad	68
2.7 Buku Iqra' Empat Diperkenalkan Dengan Bacaan Yang Mempunyai Pelbagai Baris	68
2.8 Buku Iqra' Lima Diperkenalkan Dengan Hukum Tajwid	69
2.9 Buku Iqra' Enam Diperkenalkan Dengan Ayat – Ayat Al – Quran Yang Panjang Dan Hukum Tajwid	69



**SENARAI SINGKATAN**

BIG	Bacaan Ikut Guru
EFIC	European Food Information Council
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
j-QAF	jawi-Quran Arab Fardu Ain
KAFA	Kelas Fardu Ain
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MAKDIS	Yayasan Dakwah Islamiah Sekolah-sekolah Perekutuan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPKKPM	Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia
RA	Radiyallah Anhu
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SAW	Shallallahu`alaihi WaSallam
SPSS	Statistical Packages For The Social Science
SWT	Allah Subhanahu wa Ta'ala
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



**DEFINISI HURUF-HURUF ARAB**

Huruf Arab	Nama	Padanan Rumi
ا	alif	a
ب	ba	b
ت	ta	t
ث	sa [tha]	th
ج	jim	j
ح	ha	h
خ	kha [kho]	kh
د	dal	d
ذ	zal [dzhal]	dz
ر	ra [ro]	r
ز	zai	z
س	sin	s
ش	syin	sy
ص	sad [sOd]	s
ض	dad [dOd]	dh
ط	ta [to]	t
ظ	za [zo]	zh
ع	ain [ain]	‘a
غ	ghain	gh
ف	fa	f



ق	qaf	q
ك	kaf	k
ل	lam	l
م	mim	m
ن	nun	n
و	wau	w/ u
ه	ha	h
ي	ya	y/ i

SENARAI LAMPIRAN

- A SENARAI SEMAK – BORANG PENGESAHAN PEMBETULAN
- B BORANG PENGESAHAN PEMBETULAN
- C FORMAT LAPORAN PEMBETULAN DISERTASI/TESIS
- D BORANG SOAL SELIDIK
- E OUTPUT SPSS
- F RAJAH DAN JADUAL
- G DATA SEBELUM DAN SELEPAS MEMPELAJARI AL-QURAN
- H PRA UJIAN DAN PASCA UJIAN
- I MARKAH PRA UJIAN DAN PASCA UJIAN
- J TEKNIK PINTAR AL-QURAN



BAB 1

PENGENALAN



Bab ini membincangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan dan menghuraikan beberapa subtopik iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian yang menyokong kajian pengkaji. Pengkaji telah mendapatkan maklumat mengenai latar belakang kajian dan pernyataan masalah melalui bahan bacaan sama ada dari sumber buku dan temu bual dengan mereka yang berkaitan dengan pendidikan al – Quran. Berdasarkan pernyataan masalah ini, pengkaji membincangkan tiga objektif kajian yang utama. Perbincangan ini diteruskan lagi dengan soalan kajian dan kerangka konseptual. Perbicaraan seterusnya adalah disusuli dengan kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan rumusan.





1.2 Latar Belakang Kajian

Islam mula berkembang di alam Melayu pada abad ke – 7 Masihi dibawa oleh pedagang – pedagang Arab dan ini terbukti dengan adanya batu bersurat dan batu nisan yang terukir dalam tulisan jawi. Kedatangan mereka telah diterima dengan baik oleh orang – orang Melayu (Ghazali Darusalam, 2001). Kedatangan Islam ke Tanah Melayu merupakan titik permulaan ke arah pembudayaan ilmu dan telah membawa satu impak yang besar terutamanya dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan. Islam sangat mengutamakan ilmu dalam kehidupan seharian umatnya. Malahan, penguasaan ilmu oleh umat Islam merupakan satu fardhu kifayah yang dituntut dalam agama Islam.

Kehidupan sosial dan kebudayaan Melayu juga turut mengalami perkembangan dengan terbentuknya satu imej yang baharu iaitu lahirnya golongan intelektual dalam kalangan alim ulama. Mereka berperanan sebagai guru agama dan bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu berdasarkan al – Quran dan as – Sunnah kepada rakyat terdahulu sekitar abad ke – 18 Masihi. Islam telah merubah corak kehidupan orang Melayu dengan pendidikan yang lebih teratur dan sistematik.

Selepas kemerdekaan satu jawatankuasa dibentuk dengan tujuan untuk melahirkan negara yang merdeka dan berdaulat dengan mengambil langkah menggubal satu sistem pendidikan kebangsaan yang mempunyai matlamat serta mempunyai hala tuju yang tersendiri. Tujuan utama pendidikan selepas merdeka adalah untuk membentuk dan membina sebuah negara yang bersatu-padu melalui kurikulum yang sama dan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar yang utama di sekolah – sekolah.





Pendidikan Islam mula mendapat tempat dalam sistem pendidikan nasional setelah Akta Pelajaran 1961 digubal (Sidik Baba, 2006) dan telah menjadi asas kepada pelaksanaan pendidikan di negara ini. Mata pelajaran agama Islam diajar di sekolah – sekolah yang mempunyai murid yang beragama Islam sekurang-kurangnya 15 orang. Pada peringkat awal, agama Islam telah diajar di luar jadual persekolahan iaitu pada sebelah petang.

Pengetahuan agama Islam telah diterima dan dimasukkan dalam jadual rasmi sekolah pada tahun 1962 dengan peruntukkan masa sebanyak 120 minit seminggu. Namun begitu pelajaran agama Islam hanya tertumpu kepada perkara – perkara asas seperti Fiqah, Tauhid, Sejarah Islam, ayat – ayat al – Quran sama ada dari segi bacaan atau hafalan surah. Murid hanya menumpukan kepada hafalan sahaja dan tidak mengaplikasikannya dalam amalan dan penghayatan hidup Islam.

Pada tahun 1982, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan dan penyampaian ilmu – ilmu Islam telah dilakukan dalam bentuk gabung jalin bahkan ia bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu menyampaikan ilmu dan kemahiran juga penghayatan Islam berdasarkan al – Quran dan as – Sunnah agar dapat membentuk sikap, kemahiran, keperibadian serta pandangan hidup sebagai hamba Allah. Perkara ini bertujuan untuk meningkatkan lagi prestasi murid dalam pelajaran. Namun begitu, pada tahun 2001 semakan kandungan KBSR telah dimurnikan agar kurikulum baru ini bersesuaian dengan perkembangan dan keperluan semasa pendidikan untuk menyediakan murid agar mampu berhadapan dengan cabaran abad ke – 21 .





Pada tahun 2011, sekali lagi perubahan dilakukan dalam dunia pendidikan iaitu penggantian Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan merupakan salah satu daripada tunjang KSSR yang melibatkan pendidikan Islam ialah kerohanian yang melibatkan amalan agama serta kepercayaan, sikap dan nilai. Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid yang beragama Islam di sekolah rendah. Sukatan pelajaran merangkumi Asas Fardu Ain, Asuhan Tilawah al – Quran , Ulum Syariah, Akhlak dan Jawi. Pendidikan al – Quran merupakan ilmu yang paling utama dalam kurikulum Pendidikan Islam untuk memupuk semangat cinta akan al – Quran dalam kalangan murid sekolah rendah.

Menurut D. Ismail *et al.* (2014), terdapat ramai murid – murid sekolah rendah yang masih tidak mahir dalam membaca al – Quran serta tidak mengetahui hukum – hukum tajwid dalam bacaan. Mereka juga tidak fasih dalam menyebut makhraj huruf dengan betul dan keliru dengan huruf – huruf yang hampir serupa. Murid sekolah rendah tersebut dapat dikatakan tidak mencapai tahap yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membaca al-Quran melalui program j-QAF.

Begitu juga dengan kajian yang telah dijalankan oleh Rashidah Md Hasan *et al.* (2015), daripada kajian tersebut, menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pelajar masih berada pada tahap lemah bagi pengetahuan hukum tajwid dengan peratusan sebanyak 36.7%. Hasil kajian memperlihatkan bahawa sebahagian majoriti murid yang menjadi sampel kajian ini tidak mengetahui nama-nama hukum tajwid, jumlah harakat





yang perlu dibaca serta mereka tidak tahu cara terbentuknya sesuatu hukum tajwid tersebut apabila berada di sesuatu keadaan.

Generasi muda zaman sekarang sewajarnya bertanggungjawab ke atas diri sendiri untuk membentuk diri sendiri yang memenuhi kriteria sebagai seorang warganegara yang celik akal, bertanggungjawab serta insan yang berguna bagi masyarakat pada masa hadapan. Konsep pendidikan sangat berhubung kait dengan ilmu pengetahuan dan mendidik seseorang individu agar lebih bersifat profesional dan kritis dalam segala tingkah laku. Agama Islam juga sangat menekankan pembinaan akhlak, pendidikan dan persiapan diri untuk hidup di dunia serta pegangan iman untuk persiapan di akhirat.



pembinaan insan yang baik, seimbang dan bersepadu untuk mencapai hasrat dan cita-cita negara yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Demi menjayakan hasrat tersebut, maka pendidikan Islam telah menjadi pendidikan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid yang beragama Islam sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah mengikut dasar sistem pendidikan negara. Kandungan mata pelajaran sekolah rendah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bahagian Asuhan Tilawah al – Quran yang terkandung di dalamnya bacaan ayat – ayat suci al-Quran, hafazan yang terkandung di dalamnya ayat – ayat lazim, tajwid dan hadis, bahagian Ulum Syariah pula terdiri daripada bidang Aqidah, Ibadah dan Sirah, bahagian Adab iaitu Akhlak Islamiyah dan juga bahagian Jawi. Pendidikan Islam diajar dengan bermatlamat untuk melahirkan insan yang soleh, berilmu, beramal dan berakhlak mulia.





Mengikut Falsafah Pendidikan Islam (FPI), al – Quran adalah asas pendidikan dan pembentukan sahsiah muslim dan kerana itu amalan membaca al – Quran perlu diterapkan kepada golongan muda. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka masih suci dan tidak tercemar dengan perkara yang tidak baik. Oleh sebab itu ibu bapa perlu bertanggungjawab menyediakan pendidikan agama yang cukup kepada anak-anak mereka dengan mengajar al – Quran untuk mengukuhkan aqidah Islam dan merupakan faktor penentu kepada keberkesanan pendidikan dan ilmu yang diterima oleh anak – anak . Kenyataan ini disokong oleh Mohd Yusuf (2005) iaitu anak – anak perlu diberi pendedahan membaca al – Quran sejak dari mereka masih kecil lagi kerana pendedahan ini berupaya memberi impak yang sangat positif terhadap aqidah dan pembentukan akhlak yang mulia dalam kalangan anak-anak.



pendidikan al – Quran kerana ibu bapa boleh meningkatkan potensi anak – anak apabila mereka memasuki alam persekolahan. Pendidikan kepada anak – anak adalah penting dan perlu diberikan perhatian lebih mendalam kerana menurut *European Food Information Council* (EFIC) (2005), 90% daripada perkembangan otak kanak-kanak telah lengkap dan untuk melahirkan sumber yang berkualiti mereka perlu diberi asuhan dan didikan yang berkualiti bermula dari rumah sehingga mereka memasuki alam persekolahan. Pendidikan berterusan ini perlu diterapkan agar dapat melahirkan generasi yang cemerlang dari pelbagai aspek perkembangan jika disokong oleh ibu bapa.

Perkara ini sangat jelas dapat dinyatakan bahawa dorongan dan galakan daripada pihak keluarga juga mempengaruhi pembelajaran kanak-kanak terutamanya





dalam pelajaran Tilawah al – Quran kerana membaca al – Quran memerlukan daya ingatan yang kuat. Hal ini kerana rumah merupakan tempat pertama bagi murid untuk mendapatkan pendidikan dan bimbingan.

1.3 Penyataan Masalah

Islam merupakan agama syumul yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala (SWT) kepada Nabi Muhammad Shallallahu'alaihi Wa Sallam (SAW) dan baginda merupakan nabi dan rasul yang terakhir sebagai panduan dan pedoman kepada seluruh manusia hingga ke akhir zaman ini (Mohd Mizan, 2020). Sepanjang Rasulullah SAW berdakwah, baginda berusaha untuk memantapkan lagi keimanan dan ketakwaan umat Islam melalui pendidikan. Pendidikan merupakan agenda yang penting dalam membangunkan sesebuah negara kerana melalui pendidikan akan lahir seorang insan yang hebat secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu.

Al – Quran yang Allah turunkan kepada Nabi Muhammad adalah sebagai pedoman dan pegangan hidup kerana al – Quran mempunyai peraturan yang lengkap dan sempurna yang wajib diyakini dan menjadi pegangan hidup bagi mereka yang beragama Islam. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW :

- عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَرْثُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَرْفَةٌ وَلَا حَرْفَ قَبْلَ حَرْفٍ أَتَى اللَّهُ الْكَلِمَةَ الْكَلِمَةُ الْكَلِمَةُ حَرْفٌ وَلَكِنْ

الْألف حَرْفٌ وَالْم حَرْفٌ وَهَمْ حَرْفٌ





Abdullah bin Mas'ud r.a berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: “Sesiapa yang membaca satu huruf dari al-Quran maka baginya satu kebaikan dengan bacaan tersebut, satu kebaikan dilipatkan menjadi sepuluh kebaikan dan aku tidak mengatakan م satu huruf, tetapi ا satu huruf, ل satu huruf dan م satu huruf.

(Hadis Riwayat Tirmidzi no. 2835)

Banyak kelebihan yang diperolehi bagi mereka yang membacanya walaupun hanya satu huruf, mereka tetap diberi pahala begitu juga bagi yang mendengar bacaannya.

Membaca al – Quran dengan hukum tajwid yang betul adalah merupakan satu tuntutan kepada setiap umat Islam dan mereka perlu mempelajarinya. Dari Uthman bin Affan Radiyallah Anhu (RA) katanya Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عُثْمَانَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

“Kebaikan kamu semua ialah orang yang mempelajari al – Quran dan mengajarkannya”

(Hadis Riwayat al – Bukhari no. 5027)





Berdasarkan hadis di atas, setiap orang Islam dituntut belajar membaca al – Quran dan mengajarkannya kepada orang lain. Namun begitu, banyak cabaran yang menghalang seseorang murid untuk menguasai bacaan al – Quran ini terutamanya murid di sekolah rendah. Isu penguasaan al-Quran pada peringkat sekolah rendah ini perlu diberi perhatian secara khusus kerana kegagalan murid menguasai al – Quran akan memberi kesan yang negatif kepada kehidupan mereka terutamanya dalam amalan – amalan Islam.

Pendidikan dan kehidupan sangat berhubung kait kerana melalui pendidikan akan mengubah corak dan kehidupan manusia. Pendidikan yang jitu akan melahirkan bangsa yang berjiwa kental dan mulia. Manusia perlu dibentuk untuk menjadi insan yang baik dan menyesuaikan diri dengan pelbagai perubahan yang berlaku berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) agar dapat melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai ilmu pengetahuan, berakhlak yang baik, mempunyai tanggungjawab juga berusaha untuk mencapai kesenangan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Menurut Mohd Azmir *et al.* (2010), terdapat sedikit sahaja murid yang mampu membaca Iqra' Satu (1) iaitu sebanyak 19 orang murid daripada 90 orang murid yang bersamaan dengan 21.11% sahaja yang berjaya manakala selebihnya gagal untuk membaca Iqra' Satu (1). Kajian ini bersandarkan kepada masalah besar yang melibatkan kelemahan murid dalam menguasai bacaan al – Quran. Kelemahan murid dapat diukur mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh KPM melalui program j-QAF. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh murid sekolah rendah bahkan dihadapi oleh pelbagai lapisan masyarakat juga sama ada murid sekolah menengah, kolej atau





pusat pengajian tinggi walaupun mereka telah mempelajari al – Quran ini selama enam tahun semasa di sekolah rendah.

Menurut Mohd Faizal *et al.* (2008) masih terdapat majoriti umat Islam masa kini di Malaysia tidak kira lapisan umur tidak mampu untuk membaca al – Quran atau boleh membaca al – Quran tetapi tidak lancar walaupun mereka mengenali huruf hijaiyah. Tambahan pula, ada segelintir daripada mereka yang langsung tidak mengenali dan melafazkan huruf-huruf hijaiyah dan diistilahkan sebagai “buta al – Quran”.

Ramai murid yang beragama Islam tidak boleh membaca al-Quran dan menganggap bahawa membaca al – Quran adalah sukar dan susah. Apabila mereka diminta membaca al – Quran, mereka akan meminta kawan mereka menulis ke tulisan rumi bagi memudahkan mereka membaca al-Quran. Dalam muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan bil 87/2016 telah memutuskan bahawa setiap orang Islam wajib mempelajari al – Quran dalam bahasa Arab rasm Uthmani dan haram ditulis atau digunakan mana – mana bahagian daripada ayat al – Quran dengan tulisan yang bukan huruf Arab kerana ia boleh menghilangkan kemukjizatan al – Quran terutama dari segi bacaan, sebutan dan tajwid.

Oleh yang demikian, pendedahan awal kanak-kanak kepada al-Quran adalah merupakan perkara yang penting. Zawawi (1984) menyatakan Pendidikan Islam ini diajar secara rasmi di sekolah pada peringkat awal ketika berumur 6 tahun melalui kelas – kelas al – Quran dan Abdullah (1989) menyatakan bahawa belajar dan menghayati ajaran al – Quran telah menjadi kewajipan kepada setiap orang Islam dan perlu





diperkenalkan di peringkat awal kanak-kanak. Apabila satu kajian dijalankan oleh pihak KPM didapati ramai murid yang beragama Islam tidak boleh membaca al – Quran setelah mereka berada di sekolah menengah (PPK,KPM 1996). Namun mereka tidak berusaha untuk mempelajari al – Quran apabila berada di alam dewasa.

Menurut mantan Menteri Pelajaran, Datuk Hishamuddin bin Tun Hessein dalam kenyataan beliau pada tahun 2006, pelaksanaan program j – QAF merupakan satu inisiatif untuk menggabungkan subjek agama Islam dengan subjek teras yang lain seperti yang dikehendaki oleh semua pihak. Hal ini sekali gus dapat menepis tanggapan masyarakat yang mendakwa pihak kerajaan hanya mementingkan pendidikan sekular di sekolah kerajaan dan memandang enteng terhadap pendidikan agama Islam.



seiring dengan perubahan kurikulum pembelajaran di Malaysia. Cetusan idea dari mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Abdullah bin Ahmad Badawi telah mewujudkan Program jawi – Quran Arab Fardu Ain (j – QAF) agar murid menguasai tulisan jawi, al – Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain yang bertujuan untuk melahirkan murid yang cemerlang dalam akademik dan juga sahsiah di samping memartabatkan al – Quran dalam kalangan murid sekolah. Hal ini berdasarkan kepada kajian yang telah dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (PPKKPM) (1996) yang mendapati ramai murid Islam tidak boleh membaca al – Quran apabila mereka berada di sekolah menengah. Pendidikan al – Quran di sekolah rendah telah diberikan penekanan dan sasarannya ialah murid dapat menguasai bacaan dengan baik malah khatam al – Quran sebelum tamat sekolah di tahun 6.





Murid yang lemah dalam pelajaran juga mempunyai masalah dalam menguasai bacaan al - Quran kerana keupayaan untuk mereka berfikir adalah terhad dan seterusnya tahap pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam pelajaran. Perkara ini akan membawa kepada masalah murid iaitu tidak minat belajar, mudah putus asa dan seterusnya tercicir daripada arus pembelajaran yang berlaku dalam kelas. Penguasaan seseorang murid dengan murid yang lain adalah berbeza dalam bacaan al – Quran walaupun tahap umur mereka adalah sama. Perkara seperti ini sukar untuk ditentukan kerana faktor persekitaran sosial dan budaya keluarga serta masyarakat setempat mereka mendapat pendidikan secara formal atau tidak formal akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam pelajaran.

Menerusi kajian Mohamad Naim Mat Salleh (2014) didapati bahawa sebanyak 89.1% murid tidak boleh mengaji atau membaca al – Quran . Bertitik tolak dari kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu, pengkaji mendapati bahawa anak – anak perlu diberi perhatian dengan mengajar teknik – teknik tertentu semasa belajar al-Quran dan untuk mendapatkan hasil yang mantap maka mereka perlu diajar sejak dari kecil lagi. Walaupun terdapat kajian berkaitan pendidikan al – Quran dijalankan, namun begitu, kebanyakannya adalah di peringkat sekolah menengah dan belum ada lagi kajian yang dijalankan untuk murid sekolah rendah terutamanya murid tahun dua di *Federal Land Development Authority* (FELDA).

Masalah ponteng sekolah atau kelas dalam kalangan pelajar juga merupakan faktor masalah ketidakupayaan pelajar untuk menguasai pembelajaran mereka. Pelajar mendapati sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah bosan dan tidak menarik menyebabkan mereka untuk ponteng (Mustaza, 1994). Menurut Norsiah (2014), murid





– murid mudah terikut dan terpengaruh dengan aktiviti – aktiviti yang mereka jarang lakukan dan nampak menraik di mata mereka. Oleh sebab itu, mereka ingin merasa pengalaman untuk memonteng sekolah dan beranggapan perbuatan tersebut seronok. Kebanyakan pelajar juga mudah rasa tertekan apabila mereka berada di sekolah dan mengambil tindakan untuk memonteng sekolah (Norsiah, 2014). Walaupun dengan kewujudan unit disiplin di setiap sekolah, isu ponteng tetap berlaku seolah – seolah murid – murid memandang enteng terhadap tanggungjawab mereka sebagai seorang anak didik untuk menuntut ilmu.

Menurut Salina (2013) dalam Konferens Pengajian Islam Antarabangsa Ketiga, majoriti murid bersetuju bahawa minat yang lahir daripada diri sendiri merupakan faktor utama untuk mendorong diri mereka untuk menguasai tilawah Al – Quran .

Setelah mereka minat untuk membaca al – Quran, maka akan timbul lah usaha untuk mempelajari al – Quran dengan baik. Jika seseorang murid itu tidak berminat untuk mempelajari al – Quran, maka mereka tidak akan melakukan apa – apa inisiatif untuk mendalami ilmu al – Quran tersebut.

Menurut Mohd Fauzan (2006), mendapati bahawa sukatan tilawah al – Quran merupakan pelajaran yang tidak popular dan tidak digemari oleh kebanyakan murid di sekolah. Kegagalan menguasai kemahiran asas bacaan al-Quran menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai bacaan al – Quran dengan baik dan bacaan mereka tidak lancar serta kurang minat dalam mempelajari al – Quran. Kegagalan pelajar dalam menguasai kemahiran asas bacaan al – Quran menyebabkan mereka tidak memahami sesi pengajaran dan pembelajaran lantas menyebabkan mereka berasa malu untuk bertanya





kerana takut dimarahi. Secara tidak langsung, keyakinan murid untuk membaca al-Quran akan berkurang dan berasa rendah diri.

Ramai pelajar yang tidak menjadikan amalan membaca al – Quran sebahagian daripada amalan kehidupan seharian (Azarudin *et. al*, 2011). Sikap sambalewa terhadap perkara sebegini akan menyebabkan tidak dapat menguasai bacaan al – Quran dengan lancar. Sikap sambalewa dan tidak istiqamah dalam menuntut ilmu dapat menyebabkan sesuatu ilmu itu senang hilang dan menyebabkan kita mudah lupa. Hal ini disebabkan oleh murid-murid lebih tertarik untuk bermain dengan gajet dan lupa untuk membaca al-Quran walaupun satu muka surat sehari. Begitu juga jika cuti sekolah, murid – murid tidak akan membaca al – Quran apabila berada di rumah dan apabila kembali semula ke sekolah mereka tidak boleh membaca dan perlu diulang bacaan pada bacaan sebelum mereka bercuti. Seharusnya ibu bapa mainkan peranan yang penting dengan menyuruh anak-anak mereka membaca al – Quran walaupun semasa cuti sekolah.

Perkara ini menjadi dorongan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji melihat kelemahan dalam menguasai bacaan al – Quran adalah faktor utama yang menjejaskan prestasi murid kerana ketidakupayaan mereka dalam menguasai kemahiran ini telah menyebabkan mereka gagal dalam mata pelajaran Pendidikan Islam keseluruhannya. Kajian ini mengupas tentang murid tahun dua seramai 68 orang masih tidak boleh membaca al – Quran. Mereka tidak mengenali huruf hijaiyah, huruf hijaiyah yang sama bentuk tetapi berlainan bunyi, sebutan huruf yang mengelirukan, huruf hijaiyah yang tidak boleh bersambung di awal, tengah dan akhir, huruf hijaiyah yang boleh bersambung di awal, tengah dan akhir. Didapati hanya 8 orang murid sahaja yang boleh menguasai bacaan al-Quran dengan baik.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan menganalisis tiga objektif iaitu:

1. Mengenalpasti pengetahuan bacaan al – Quran dalam kalangan murid tahun dua sebelum mempelajari teknik pintar al – Quran.
2. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid tahun dua dalam mempelajari al – Quran .
3. Mengenalpasti keberkesanan amalan keupayaan diri murid tahun dua untuk mengatasi kelemahan dalam menguasai bacaan al-Quran dengan mempelajari teknik pintar al – Quran. `


1.5 Persoalan Kajian

Bagi memenuhi kajian ini, pengkaji mengemukakan beberapa persoalan yang sejajar dengan tiga objektif utama ini maka terbina tiga soalan kajian yang dapat memperhalusi isu – isu dan persoalan yang berkaitan dengan skop kajian. `

1. Apakah pengetahuan bacaan al – Quran dalam kalangan murid tahun dua sebelum mempelajari teknik pintar al – Quran?
2. Apakah masalah yang dihadapi oleh murid tahun dua dalam menguasai bacaan al – Quran?
3. Apakah keberkesanan amalan keupayaan diri murid tahun dua untuk mengatasi kelemahan dalam menguasai bacaan al-Quran dengan mempelajari teknik pintar al – Quran?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian bagi pemboleh ubah pengetahuan, sikap dan amalan dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan (f) Raja Alias 3, Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian, terdapat dua pemboleh ubah yang ingin dikaji dalam kajian ini iaitu hubungan antara Teknik Pintar al – Quran pemboleh ubah bersandar dengan pengetahuan, sikap dan amalan yang mewakili pemboleh ubah tidak bersandar dalam kalangan murid tahun dua Sekolah Kebangsaan (f) Raja Alias 3, Bandar Seri Jemol, Negeri Sembilan. Kefahaman terhadap bacaan al-Quran ini fokus kepada pengetahuan, sikap, serta amalan murid tahun dua dalam menggunakan teknik pintar al – Quran ketika sesi pembelajaran berlangsung. Amalan murid terhadap teknik pintar al – Quran pula memberi fokus kepada keseronokan, minat serta galakan yang diperolehi murid ketika mempelajarinya.

1.7 Definisi Operasional

Definisi konsep atau istilah bermaksud penghuraian makna dengan cara mengukur gagasan yang khusus dalam konteks kajian sahaja. Terdapat beberapa istilah yang perlu dikaji dan difahami dalam kajian ini. Kajian ini diperincikan dengan huraian istilah atau definisi operasional supaya lebih jelas skop kajian yang dilakukan dan untuk memudahkan kajian kepada pernyataan masalah ke atas tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji. Huraian ini akan memfokuskan kajian dengan lebih tepat iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

1.7.1 Pengetahuan

Perkataan pengetahuan merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) iaitu mengambil tahu. Dalam konteks ini pengetahuan boleh ditakrifkan sebagai pemahaman yang bermakna kepada individu apabila datangnya satu sumber maklumat yang berkaitan dengan sesuatu kajian yang dijalankan serta perlu kepada kefahaman. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kemahiran membaca al – Quran di kalangan murid tanpa ada rasa bosan dan jemu.

1.7.2 Masalah

Perkataan pengetahuan merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) iaitu sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan



kesukaran. Dalam konteks ini ialah masalah yang dihadapi oleh murid dalam usaha mereka untuk mempelajari al– Quran .

1.7.3 Amalan

Perkataan amalan merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) iaitu sesuatu yang dilakukan atau dilaksanakan sebagai satu kebiasaan. Dalam konteks ini ialah amalan murid tahun dua belajar membaca al – Quran menggunakan teknik pintar al-Quran sehingga mereka boleh membaca dengan betul dan lancar.



Teknik Pintar al-Quran membawa maksud guru mengendalikan teknik pengajaran dalam bilik darjah untuk mencapai hasil yang maksimum pada waktu mengajar pendidikan agama Islam (Kamarudin & Siti Hajar, 1999) Teknik Pintar al-Quran yang digunakan oleh pengkaji adalah murid dikenalkan semula dengan huruf hijaiyah, huruf sama bentuk tetapi berlainan bunyi, sebutan huruf yang mengelirukan, huruf yang tidak boleh bersambung sama ada di awal, tengah dan akhir. Begitu juga dengan huruf yang boleh bersambung di awal, tengah dan akhir dan bentuk huruf yang bersambung. Apabila murid telah menguasai, maka hasilnya murid boleh mencapai hasil yang maksimum iaitu murid boleh membaca al-Quran dengan menggunakan teknik Pintar al-Quran.





1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah yang terletak di dalam kawasan FELDA iaitu Sekolah Kebangsaan (f) Raja Alias 3, Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan. Kajian ini hanya tertumpu di daerah Jempol sahaja dan tidak melibatkan daerah yang lain. Kajian ini melibatkan seramai 76 orang yang terdiri daripada murid – murid tahun dua iaitu 43 lelaki dan 33 perempuan sebagai sampel kajian.

Pengkaji memilih sekolah ini adalah kerana semua muridnya adalah beragama Islam dan berlatarbelakangkan hidup yang berbeza serta mempunyai pelbagai aras pemikiran. Seramai 57% murid ini tinggal di kawasan FELDA dan 43% lagi tinggal di kawasan perumahan di sekitar Bandar Seri Jempol dan kawasan kampung yang berhampiran. Walaupun begitu, kajian ini tidak boleh mewakili seluruh FELDA yang ada di Malaysia ini. Kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada populasi kajian ini sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan di sekolah lain.

Cara pemilihan sampel pula, semua murid adalah terlibat secara langsung dalam kajian ini. Skop kajian ini hanya menumpukan kepada tahap keupayaan bacaan al – Quran murid tahun dua sahaja kerana ia berdasarkan kepada sukatan pelajaran Asuhan Tilawah al-Quran tahun dua. Dalam sukatan pelajaran tahun dua ini, murid mula membaca al – Quran dari surah al – Baqarah sehingga surah al – Maidah. Surah – surah ini perlu dihabiskan bacaan dalam tempoh masa setahun waktu persekolahan. Ini berdasarkan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) pendidikan Islam tahun Dua Bahagian Pembangunan Kurikulum seperti yang tertera di Rajah 1.2.



ثمن دي فيق ناس ال محتامون 2

فلج غفرتام دان لكدوا

مغضو	بيدغ	ستندرد كاندوغن	ستندرد فمبلاجرن	اومجيك تيف	خادغن فمبلاجرن
1	ختم القرءان	سورة البقرة اية 1 هيغض 286	موريد بوليه: مباج سورة البقرة اية 1 - 29	موريد دافت : 1. مباج سورة البقرة اية 1 - 29 دغن بتول دان لنخر. 2. مباج سورة البقرة اية 1 - 29 دغن بتول دان لنخر دان برتجويد.	- مباج كلمه / فوتوغن اية . - تلقي دان مشافهة .
16	ختم القرءان	سورة آل عمران اية 1 هيغض 200	موريد بوليه: مباج سورة آل عمران اية 1 - 15	دأخير فمبلاجرن دان فمبلاجرن موريد داغت: 1. مباج سورة آل عمران اية 1 - 15 دغن بتول دان لنخر. 2. مباج سورة آل عمران اية 1 - 15 دغن بتول دان لنخر دان برتجويد.	- مباج كلمه / فوتوغن اية . - تلقي دان مشافهة .

Rajah 1.2. Sukatan Pelajaran Tahunan Pendidikan Islam Tahun 2 – Penggal Pertama dan Penggal Kedua (DSKP KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Islam Tahun Dua BPG)

Namun begitu berdasarkan kepada kajian awal yang dijalankan didapati ramai murid tahun dua yang tidak dapat menguasai bacaan al – Quran sedangkan mereka

telah tamat mempelajari teknik iqra' semasa di tahun satu berdasarkan kepada sukatan KSSR yang menetapkan tempoh menguasai bacaan iqra' 1 hingga 6 adalah dalam enam bulan pertama sahaja.

Apabila berada di tahun dua, murid perlu membaca al-Quran mengikut sukatan walaupun mereka tidak menguasai bacaan pada tahun satu. Walaupun kaedah Baca Ikut Guru (BIG) dijalankan, kualiti bacaan mereka sangat rendah. Kaedah BIG ini bermaksud guru membaca ayat – ayat al – Quran dan murid mengikut bacaan guru tersebut. Walaupun BIG dijalankan pengkaji mendapati murid masih tidak menguasai kemahiran membaca kerana mereka tidak mengenali huruf hijaiyah, huruf sama bentuk tetapi berlainan bunyi, sebutan huruf yang mengelirukan, huruf hijaiyah yang tidak boleh bersambung sama ada di awal, tengah dan akhir. Begitu juga dengan huruf hijaiyah yang boleh bersambung di awal, tengah dan akhir dan bentuk huruf yang bersambung. Oleh kerana itu murid-murid yang sukar untuk menguasai bacaan dalam kajian ini adalah murid yang normal dari segi fizikal, mental dan kesihatan maka diperkenalkan kepada mereka teknik pintar al-Quran.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini diperincikan dengan huraian istilah atau definisi operasional supaya lebih jelas skop kajian yang dijalankan. Huraian ini akan memfokuskan kajian dengan lebih tepat. Pengkaji berharap melalui kajian ini dapat membantu pelbagai pihak untuk mengambil langkah merancang dan menggunakan pelbagai kaedah yang lebih berkesan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran membaca al – Quran dalam kalangan murid



yang beragama Islam. Kajian yang dijalankan mempunyai beberapa kepentingan kepada pihak yang tertentu.

Pertama sekali hasil dapatan kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak KPM untuk merancang dan merangka strategi yang lebih berkesan dengan meningkatkan kualiti pendidikan Islam iaitu dengan cara memastikan setiap murid dapat menguasai kemahiran al – Quran pada peringkat awal persekolahan. Kedua disarankan kepada Pejabat Pendidikan Daerah dan dapatan kajian ini dapat membantu Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam program Pendidikan Islam dan berusaha untuk meningkatkan tahap keupayaan murid dalam membaca al-Quran. Kem Literasi al-Quran boleh dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut.



Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak sekolah untuk mengenal pasti prestasi dan tahap penguasaan bacaan al – Quran murid di sekolah. Melalui maklumat yang diperolehi ini pihak sekolah boleh merancang dan mengemas kini pelbagai keperluan untuk kemudahan murid. Pihak sekolah boleh belajar dengan cara yang lebih dekat lagi dengan mengenal pasti segala kelemahan dan kerumitan yang dialami oleh murid dan boleh melakukan gerak gempur serta mengadakan program – program yang dapat meningkatkan minat murid terhadap al-Quran. Dapatan kajian seterusnya dapat membantu guru – guru memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat murid semasa pembelajaran al – Quran berlangsung. Guru-guru diberikan latihan dan kemahiran dari semasa ke semasa agar mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna.



Hasil dari kajian yang seterusnya ialah dapat membantu dan memberi gambaran kepada murid terhadap keupayaan mereka dalam membaca al – Quran. Mereka dapat mengenal pasti faktor – faktor yang mendorong serta penghalang mereka dalam aspek bacaan al-Quran seterusnya berusaha untuk memperbaiki bacaan al – Quran agar dapat meningkatkan prestasi bacaan mereka. Selain daripada itu, kajian ini diharapkan dapat menggalakkan interaksi dalam kalangan murid dalam bilik darjah. Hubungan antara murid akan menjadi lebih rapat dan dapat mengenali antara satu sama lain dan dapat memupuk kemesraan, keyakinan diri, persefahaman, toleransi dan perkembangan sahsiah yang sihat dalam kalangan mereka. Murid yang sudah menguasai dapat membantu murid yang belum menguasai bacaan serta dapat menghindarkan diri mereka daripada perasaan bosan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Di samping itu, perkara ini dapat mencungkil potensi individu dan tahap kecerdasan pelajar dengan pendedahan sumber pengajaran yang pelbagai bentuk.

Selain dari itu, dapatan ini juga dapat membantu ibu bapa kerana mereka perlu memainkan peranan yang penting dalam merancang langkah - langkah yang terbaik untuk membantu mempertingkatkan tahap penguasaan kemahiran bacaan al-Quran dalam kalangan anak-anak mereka ketika berada di rumah.

1.10 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah memberi penjelasan mengenai kajian yang ingin dijalankan. Misalnya seperti membincangkan mengenai pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian sebagai penjelasan berkaitan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji. Secara ringkasnya, kajian ini adalah untuk mengkaji pengetahuan, sikap dan amalan terhadap teknik pintar al-Quran dalam kalangan murid tahun dua Sekolah Kebangsaan (f) Raja Alias 3, Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan. Hal ini kerana, ingin selari dalam mencapai objektif bagi kajian ini iaitu untuk mengenal pasti pengetahuan bacaan al-Quran dalam kalangan murid tahun dua, mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid tahun dua dalam mempelajari al-Quran dan mengenalpasti amalan keupayaan diri murid tahun dua dalam mempelajari teknik Pintar al-Quran.